

SOALAN LAZIM HAL EHWAL PELAJAR

Q. Saya telah mendapat pra-tawaran belajar di PBU. Bagaimana saya boleh membuat pengesahan/penolakan tawaran tersebut?

A. Pengesahan dan penolakan tawaran belajar hanya boleh dibuat pada 11 September 2020 selepas jam 6.00 petang melalui laman web <http://ambilan.mypolycc.edu.my/>

Q. Sekiranya saya telah membuat pengesahan tawaran ke PBU, apakah dokumen yang perlu disediakan untuk sesi pendaftaran pelajar baharu?

A. Sila rujuk SENARAI SEMAK PELAJAR BAHARU di <https://heppbu.com/pendaftaran/panduan-sebelum/senarai-semak/>

Q. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan surat tawaran kemasukan ke PBU?

A. Surat tawaran boleh dimuat turun melalui laman web <http://ambilan.mypolycc.edu.my/> , klik pada Semakan & Cetak Surat Tawaran Politeknik dan masukkan nombor kad pengenalan.

Q. Bagaimanakah cara untuk memohon pengajian di PBU?

A. Permohonan untuk sesi Jun melalui <http://upu.mohe.gov.my/> manakala untuk sesi Disember melalui <http://ambilan.mypolycc.edu.my/>

Q. Bagaimanakah cara untuk memohon rayuan kemasukan ke PBU?

A. Rayuan bagi calon yang gagal mendapat tempat di politeknik boleh dibuat secara online melalui <http://upu.mohe.gov.my/> (kemasukan sesi Jun) dan <http://ambilan.mypolycc.edu.my/> (kemasukan sesi Jun dan Disember)

Q. Saya terlepas tarikh penting permohonan kemasukan ke politeknik melalui laman portal. Apakah cara lain untuk saya memohon kemasukan pengajian ke PBU?

A. Calon yang terlepas tarikh setuju terima dianggap tidak berminat dengan tawaran pengajian. Sekiranya masih berminat, sila mohon untuk sesi akan datang melalui portal <http://ambilan.mypolycc.edu.my/>

Q. Berapa kalikah dalam setahun permohonan kemasukan ke PBU dibuka?

A. Terdapat 2 kali kemasukan ke politeknik iaitu sesi Jun dan Disember

Q. Semasa sesi pendaftaran pelajar baharu, adakah semua dokumen perlu disahkan dan siapa pegawai pengesah yang berkeelayakan?

A. Hampir setiap dokumen perlu disahkan. Sila rujuk <https://heppbu.com/pendaftaran/panduan-sebelum/> untuk perincian pengisian dokumen dan senarai pegawai pengesah berkeelayakan (SEKSYEN 1).

Q. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan syarat-syarat kemasukan ke Politeknik?

A. Sila rujuk laman <http://ambilan.mypolycc.edu.my/portalbpp2/index.asp?pg=program&kat=d&id=DF007> untuk syarat terkini kemasukan pelajar

Q. Berapakah bilangan pelajar yang dibenarkan di dalam kelas pada satu-satu masa semasa proses PdP norma baharu dijalankan?

A. Bilangan pelajar dihadkan kepada 20 orang pada satu-satu masa dengan penjarakan 1 meter.

Q. Bilakah tarikh pendaftaran bagi pelajar senior bagi sesi Jun 2020?

A. Pendaftaran online boleh dilaksanakan setelah pembayaran yuran selesai sehingga 9 Ogos 2020. Maklumat lanjut sila rujuk LAPOR DIRI ONLINE di <https://heppbu.com/pendaftaran/senior/senior-lapordiri>

Q. Apakah prosedur pendaftaran serta sesi serahan dokumen pelajar senior bagi sesi ini?

A. Serahan kepada PA :-

1. Slip Pengesahan Lapor Diri Senior (SPMP iHelp)
2. Keputusan peperiksaan sesi Dis 2019 (SPMP iExam)
3. Slip asal yuran & salinan (Sila guna borang di Senarai Semak)

Maklumat lanjut sila rujuk LAPOR DIRI KEPADA PA di <https://heppbu.com/pendaftaran/senior/senior-lapordiri/>

Sebarang Kemusykilan atau Pertanyaan Lanjut, Sila berhubung dengan Pegawai kami di talian 04-8689000 (Sambungan 526) pada Waktu Pejabat.